



Untuk siaran segera
20 Julai 2026

PNB Perkukuh Pelaburan Berteraskan Nilai dan Syariah Melalui Pelancaran MSRI dan Zakat Khultah

BANGI, 20 Julai 2026: Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini melancarkan Model Saringan Maqasid Al-Syariah dalam Pelaburan Bertanggungjawab (MSRI), satu pendekatan saringan pelaburan yang mengintegrasikan rangka kerja Maqasid al-Syariah dan elemen Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

Majlis peluncuran tersebut telah disempurnakan oleh Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Senator Dr. Zulkifli Hasan. Turut hadir, YM Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda, Pengerusi Kumpulan PNB, Dato' Rizal Rickman Ramli, Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Dato' Dr. Sirajuddin Suhaimee, Ketua Pengarah JAKIM, serta Fadzihan Abbas Mohamed Ramlee, Ketua Pegawai Eksekutif Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB).

Saringan MSRI digunakan sebagai sebahagian daripada proses analisis dan pembuatan keputusan pelaburan bagi portfolio pelaburan domestik PNB, bertujuan untuk memperluaskan skop saringan Syariah melangkaui penilaian kewangan dan aktiviti perniagaan semata-mata.

Model ini menilai pelaburan berdasarkan lima dimensi Maqasid al-Syariah yang diperkenalkan oleh Imam al-Ghazali, di samping mengintegrasikan elemen ESG secara menyeluruh dalam analisis pelaburan. Ia turut

mengambil kira skor kontroversi dan skor bonus bagi menilai isu-isu semasa yang mencerminkan kedua-dua kesan negatif serta usaha positif yang dilaksanakan oleh syarikat.

YM Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda berkata, "Peluncuran pada hari ini, adalah hasil kerjasama erat antara PNB dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, JAKIM."

"Kerjasama strategik ini adalah bukti nyata bahawa institusi pelaburan negara dan institusi agama mampu berganding bahu dalam membangunkan ekosistem ekonomi yang bukan sahaja mapan dari segi kewangan, tetapi juga utuh dari segi nilai dan etika," katanya dalam ucapan alu-aluan dalam majlis Wacana Literasi Kewangan Islam Berteraskan Maqasid Al-Syariah Sempena Peluncuran MSRI dan Zakat Khultah, di Bangi, hari ini.

Dalam pada itu, ASNB turut melancarkan kaedah pembayaran Zakat al-Mustaghallat secara Khultah (kolektif), sebuah kemudahan buat pelabur Islam yang melabur dalam unit amanah harga tetap ASNB untuk menunaikan kewajipan membayar zakat setiap tahun.

Dr. Zulkifli berkata, kemudahan yang disediakan ini membolehkan pelabur ASNB menunaikan kewajipan mereka secara lebih mudah dan teratur.

"Pelabur Islam yang melabur dalam unit amanah ASNB, dinasihatkan supaya memanfaatkan sepenuhnya kaedah pembayaran Zakat al-Mustaghallat secara Khultah (kolektif) ini untuk menunaikan kewajipan membayar zakat setiap tahun."

“Saya menyokong pelaksanaan zakat secara Khultah ini kerana dari sudut pelabur, manfaatnya amat praktikal dan selaras dengan ketetapan Syariah. Para pelabur beragama Islam ASNB menikmati pendapatan bersih yang kekal kompetitif, di samping memastikan kewajipan zakat mereka diurus secara sistematik dan efisien, tanpa menjejaskan matlamat pelaburan jangka panjang mereka,” tambahnya.

Kaedah zakat secara Khultah telah diperkenalkan oleh ASNB sejak 25 Mei 2026 untuk semua dana harga tetap, dan telah distruktur kepada Kelas A dan Kelas B. Pemegang unit sedia ada secara automatik ditempatkan dalam Kelas A manakala Kelas B adalah untuk pemegang unit Muslim yang memilih untuk pembayaran zakat mereka diuruskan oleh ASNB, iaitu zakat secara Khultah (kolektif).

Melalui Kelas B, zakat dikira 2.57% daripada dividen yang diterima sebelum diagihkan kepada pemegang unit, menjadikan dividen yang diterima bersih selepas ditolak zakat. Kaedah zakat ini menggunakan kaedah al-Mustaghallat yang diluluskan oleh Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) pada September 2025.

Setakat 16 Julai 2026, seramai 131,121 akaun oleh pelabur Islam yang melabur dalam unit amanah ASNB telah memilih untuk opt-in ke Kelas B.

Majlis peluncuran itu turut menyaksikan sesi forum bertajuk “Mengurus Harta Dengan Hikmah” oleh barisan panelis yang terdiri daripada Fadzihan Abbas, Dato' Syeikh Zakaria Bin Othman, Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), dan Ustaz Zul Ramli M. Razali, Penceramah & Pendakwah Bebas.

Selari dengan konsep 'Mengimbangi deen dan dunia', ASNB juga memperkenalkan satu himpunan perkhidmatan berkaitan pelaburan iaitu Solusi Kewangan Islam di mana pelabur tidak perlu lagi membuat keputusan berasingan untuk mengurus pelaburan, perlindungan, zakat, hibah dan wakaf. Sebaliknya, semuanya menjadi sebahagian daripada satu perjalanan kewangan terancang berlandaskan Syariah.

Himpunan solusi ini bertujuan memenuhi matlamat sebenar pengurusan harta, yang mana ia bukanlah hanya mengenai berapa banyak harta dikumpul, tetapi bagaimana harta itu dapat dimanfaatkan sebaik mungkin untuk diri, keluarga, masyarakat dan agama.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my/zakat

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah salah sebuah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM360 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,600 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Affin Bank, Ambank, Bank Islam, Bank Muamalat, Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank, Hong Leong Bank, Maybank, RHB Bank dan Pos Malaysia. ASNB kini menguruskan 18 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) lebih 300 bilion unit daripada lebih 17 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad